

**KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**CADANGAN PENINGKATAN ELAUN KRITIKAL BAGI PEGAWAI
PERUBATAN YANG BERKHIDMAT DI SABAH DAN SARAWAK
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

1.0 TUJUAN

1.1 Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon pertimbangan Kerajaan mengenai cadangan untuk meningkatkan elaun kritikal doktor-doktor yang berkhidmat di **Sabah** dan **Sarawak** dalam perkhidmatan awam di Kementerian Kesihatan Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Elaun kritikal merupakan satu ganjaran yang khas untuk doktor-doktor yang berkhidmat di hospital-hospital kerajaan **Sabah** dan **Sarawak**. Jumlah yang di terima adalah tidak setimpal jika dibandingkan dengan beban tugas sebenar semasa berkhidmat sebagai seorang pegawai perubatan di **Sabah** dan **Sarawak**.

2.2 Cadangan untuk meningkat elaun kritikal telah dikemukakan kepada JPA beberapa kali tetapi tidak begitu berjaya.

3.0 ASAS PERTIMBANGAN

- 3.1 Oleh kerana rawatan dan perkhidmatan perubatan adalah amat kritikal, adalah amat mustahil untuk mengekalkan jumlah doktor dalam perkhidmatan kerajaan tanpa peningkatan pendapatan yang munasabah.
- 3.2 Elaun Kritikal memberi insentif kepada pegawai perubatan untuk berkhidmat dengan lebih giat lagi dan mengurangkan penghijrahan ke sektor swasta
- 3.3 Langkah ini akan meningkatkan lagi jumlah pendapatan seorang doktor yang berkhidmat di **Sabah** dan **Sarawak**. Ini adalah satu cara untuk mengelakkan tuntutan daripada pihak-pihak professional yang lain oleh kerana elaun ini adalah khas untuk doktor sahaja.
- 3.4 Ini juga dapat memberi insentif kepada pegawai perubatan dari Semenanjung untuk berkhidmat di **Sabah** dan **Sarawak**.
- 3.5 **Populasi Doktor: Pesakit di Sabah dan Sarawak** adalah **lebih kurang 1: 1650** , maka dengan ini dapat mengurangkan beban kerja pegawai perubatan jika elaun kritikal dapat dipertimbangkan.
- 3.6 Dengan ini pegawai perubatan dari Semenanjung akan berkhidmat dengan sepenuh hati dan dapat mengurangkan pengisian kekosongan jawatan yang sedia ada.

4.0 IMPLIKASI KEWANGAN

- 4.1 Jika kerajaan bersetuju menimbaangkan permohonan ini sudah pasti ianya akan melibatkan pertambahan kewangan. Walaubagaimanapun, ini akan merupakan satu cara untuk mengurangkan doktor-doktor meninggalkan perkhidmatan untuk berkhidmat ke perkhidmatan kesihatan swasta atau institut pengajian tinggi swasta.

5.0 KESIMPULAN

- 5.1 Permohonan ini adalah untuk menyeru kerajaan memberi lebih ganjaran dan insentif untuk pegawai perubatan yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak untuk mengekalkan perkhidmatan sebagai pegawai kerajaan demi untuk rakyat jelata dalam pengisian perkhidmatan yang ketara..

6.0 SYOR

- 6.1 Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Persatuan Perubatan Malaysia(MMA) memohon KKM dan JPA untuk menimbaangkan dan mengesyorkan untuk meningkatkan elauan kritikal bagi doktor-doktor yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak dalam perkhidmatan awam di Kementerian Kesihatan Malaysia

LAMPIRAN 1

SYOR/CADANGAN

Tangga	Elaun Kritikal Kini (RM)	Elaun kritikal yang Dicadangkan (RM)
PEGAWAI PERUBATAN	500.00	750.00

STATISTIK MENUNJUKKAN JAWATAN-JAWATAN PROFESIONAL DI SABAH YANG MASIH MENUNJUKKAN KEKURANGAN YANG BESAR

Jawatan-jawatan Profesional di Sabah Hingga Nov-06

<u>Bil.</u>	<u>JAWATAN/GRED(Mengikut Skim)</u>	<u>JWT</u>	<u>ISI</u>	<u>KOSONG</u>
1	<u>Pegawai Perubatan</u> Gred Utama B Gred U 53/u54 Gred U51/u52 GredU47/U48	1 3 25 76	1 2 6 22	0 1 19 54
	JUMLAH PENTADBIR	105	31	74
2	<u>Pakar Perubatan</u> Gred Khas B VK6 Gred KhasC VK7 Gred U53/54 Gred U51/52 Gred U47/48 Gred U43/44	1 4 22 31 68 50	0 0 8 6 21 1	1 4 14 25 47 49
	Jumlah Pakar	176	36	140
3	<u>Pegawai Perubatan</u> Gred U 43/44 i) Gred U41 (Rawatan Perubatan) ii) Gred U41 (Kesihatan Awam)	187 687 221	15 314 79	172 373 142
	Jumlah Pegawai Perubatan	1095	408	687